

24 FEB 1997

Mahathir - Pelabur

PERDANA MENTERI BERHARAP SYARIKAT ASING PELBAGAIKAN OPERASI

SEREMBAN, 24 Feb (Bernama) -- Malaysia memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa persekitaran pelaburan di negara ini akan terus menarik dan berkesan daripada segi kos untuk syarikat-syarikat yang menubuhkan operasi sejagat di sini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Justeru itu, Perdana Menteri berharap syarikat-syarikat asing seperti Samsung Electronics, sebuah syarikat Korea Selatan akan meneruskan pembesaran dan mempelbagaikan operasinya di Malaysia.

Dr Mahathir menggesa syarikat lain khususnya syarikat dari Korea Selatan, baik besar mahupun sederhana supaya mencontohi kejayaan Samsung di Malaysia menubuhkan operasi yang mempunyai nilai ditambah dan berintensifkan teknologi di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kompleks Samsung Electronics Seremban. Kompleks berkenaan antara lain mengandungi blok asrama dan pusat latihan.

Dr Mahathir berkata teras masa depan di bawah pelan induk perindustrian kedua (PIP 2) tertumpu kepada pengilangan semi konduktor dan komponen, elektronik digital, peralatan dan kelengkapan profesional, kelengkapan industri dan perisian multimedia.

Pada masa ini, industri elektronik keseluruhannya berasaskan kepada pembuatan semi konduktor dan komponen lain, komputer dan perkakasan kelengkapan telekomunikasi, barang elektronik pengguna, kelengkapan elektrik dan peralatan elektrik industri, katanya.

Dr Mahathir berkata sebahagian daripada jumlah nilai ditambah pengilangan barangan industri elektrik dan elektronik yang terdiri daripada semi konduktor, komputer/perisian, elektronik pengguna, alat dan kelengkapan elektrik dijangka meningkat kepada 33.3 peratus pada tahun 2005 daripada 30.3 peratus pada masa sekarang.

Beliau berkata pelaburan asing secara langsung adalah penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Malaysia dan ia telah menyumbang dengan nyata sekali kepada pembangunan ekonomi negara.

Menurut Dr Mahathir, sejak dua setengah dekad yang lalu, kebanyakan pengeluaran pengilangan dan peningkatan pesat eksport Malaysia telah disumbang oleh aktiviti syarikat-syarikat multi-nasional, anak-anak syarikat dan syarikat sekutu mereka.

Pelaburan oleh syarikat multi-nasional terutama dalam industri elektronik telah menerajui orientasi eksport negara sejak tahun 70-an.

"Kejayaan Malaysia bukan hanya menarik pelabur multi-nasional ini untuk melabur di Malaysia bahkan dalam menyediakan persekitaran yang secukupnya untuk mereka membesar dan mempelbagaikan operasi selaras dengan keperluan pertumbuhan perniagaan mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata industri elektrik dan elektronik terus menjadi subsektor utama dalam sektor perkilangan daripada segi keluaran, eksport dan guna tenaga.

Dalam tempoh penggal kedua Pelan Induk Perindustriaan Pertama dari 1991 hingga 1995, sektor itu mencatatkan purata pertumbuhan keluaran 30.7 peratus setahun manakala sumbangannya kepada eksport dan guna tenaga masing-masing mencatatkan kadar pertumbuhan purata 30.1 peratus dan 16.8 peratus setahun, katanya.

Beliau berkata Malaysia merupakan pengeksport utama barangan elektronik pengguna, peralatan elektrik pengguna dan semikonduktor.

Industri itu terus menjadi sektor utama daripada segi bilangan projek

yang diluluskan dan menduduki tempat teratas daripada segi jumlah modal pelaburan yang diluluskan, katanya.

Dr Mahathir berkata pada tahun lepas, 215 projek telah diluluskan dalam sektor itu, 27 peratus daripada 782 projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

"Projek-projek yang diluluskan ini melibatkan jumlah modal pelaburan bernilai RM13 bilion iaitu kira-kira 38 peratus daripada jumlah pelaburan RM34.3 bilion yang diluluskan dalam sektor perkilangan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pelaburan langsung asing berjumlah RM9.2 bilion atau 71 peratus manakala pelaburan tempatan pula ialah RM3.9 bilion atau 29 peratus.

"Walaupun pelaburan dari Republik Korea tidak setinggi Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat dan Singapura, tetapi pelaburan Korea telah naik mendadak dari tahun 1988," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata untuk terus berdaya saing, Malaysia melalui Pelan Induk Perindustrian Kedua sedang beralih daripada industri berintensifkan buruh dan memberi tumpuan kepada industri berteknologi dan bernilai tambah yang tinggi.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

-- BERNAMA

ES RAB NMO